



KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
15 RAMADAN 1438 HIJRAH / 10 JUN 2017

**IMIGRESEN GEMPUR AKTIVITI PELACURAN YANG BERLELUASA DI BULAN
RAMADHAN**

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Johor telah mengadakan Operasi Penguatkuasaan OPS GEGAR pada 09 Jun 2017 di Skudai, Johor Bahru di sebuah hotel yang dipercayai menjalankan aktiviti tidak bermoral di kawasan berkenaan.

Operasi bermula pada jam 12.30 tengah malam dengan diketuai sendiri oleh Ketua Pengarah Imigresen Malaysia, Dato' Sri Hj. Mustafar Bin Hj. Ali bersama-sama Pengarah Imigresen Negeri Johor dengan kekuatan anggota seramai 41 orang pegawai dari JIM Negeri Johor.

Sasaran utama dalam operasi ini adalah wanita warga asing yang disyaki melakukan aktiviti tidak bermoral. Seramai 41 orang telah diperiksa dan ditahan dalam operasi ini kerana disyaki melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002).

Antara yang ditahan adalah 28 warga asing yang terdiri daripada 3 Lelaki (Singapura), 21 Perempuan (Vietnam), 3 Perempuan (Thailand) dan 1 Lelaki (India). Manakala, 13 rakyat Malaysia terdiri daripada 8 Lelaki dan 5 Perempuan yang dipercayai dalang di sebalik aktiviti ini. Jumlah keseluruhan tangkapan adalah seramai 41 orang (12 Lelaki dan 29 Perempuan).

Kesemua yang ditahan berumur di antara 17 hingga 50 tahun dan telah dihantar ke Pejabat Imigresen Negeri Johor, Kompleks KDN Setia Tropika untuk siasatan lanjut. Antara kesalahan yang dikenal pasti ialah tiada dokumen pengenalan diri, disyaki memiliki suatu pas / permit palsu dan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002).

Ketika serbuan, kesemua wanita asing berada dalam bilik masing-masing yang berkunci dari dalam serta ada yang bersama-sama dengan pelanggan daripada pelbagai warganegara yang disyaki melakukan aktiviti pelacuran. Pegawai serbuan juga terpaksa memecahkan pintu bilik masing-masing kerana enggan membuka dan memberi kerjasama apabila diminta membuka pintu.

Dipercayai modus operandi ini aktif dilakukan dengan menggunakan aplikasi WECHAT di mana pelanggan-pelanggan yang ingin membuat tempahan boleh memilih wanita asing menerusi aplikasi berkenaan. Maklumat awal mendedahkan pelanggan dikenakan bayaran sekitar RM200 ke RM500 untuk mendapatkan perkhidmatan wanita warga asing ini.

Risikan telah dibuat selama 1 bulan bagi mengesan modus operandi memandangkan sindiket ini yang dijalankan dengan sangat licik. Risikan dan maklumat daripada pelbagai sumber telah diperolehi bagi membanteras gejala tidak bermoral ini.

JIM tetap melakukan Operasi Penguatkuasaan setiap hari walaupun di dalam bulan Ramadhan dan suasana menyambut hari raya. Untuk makluman daripada 1 Januari sehingga 08 Jun 2017 sebanyak 6,642 operasi penguatkuasaan telah dijalankan dan hasilnya seramai 71,925 orang telah diperiksa. Daripada jumlah tersebut seramai 20,604 warga asing telah ditahan dan seramai 597 majikan turut ditahan. Untuk tempoh ini juga seramai 24,827 warga asing telah diusir.

Operasi Penguatkuasaan ini akan dilaksanakan secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Bagi memutuskan rangkaian kesalahan seperti ini, pelbagai agensi penguatkuasaan khususnya Pihak Berkuasa Tempatan akan terus digembleng dan diharap PBT akan dapat menutup premis-premis yang diketahui menjalankan aktiviti-aktiviti haram seperti ini.

JIM mengingatkan orang ramai yang mempunyai maklumat tentang PATI atau sebarang maklumat yang boleh membantu JIM dalam melaksanakan penguatkuasaan supaya tampil menyalurkan maklumat.

TAMAT

**DATO' SRI HAJI MUSTAFAR BIN HAJI ALI
KETUA PENGARAH
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**